NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA.

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 19
Bil. 17

14hb Ogos, 1975

*TAMBAHAN No. 12*
*PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 36.

## UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI MAKANAN DAN KEDAI KOPI KERAJAAN TEMPATAN SEBERANG PERAI, 1974

BAHAWASANYA sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 58 (1) (*r*) (*w*) dan (vii) dan 379, Ordinan Perbandaran dan seksyen 6 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan Sementara), 1973, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai pada Mesyuarat Khasnya yang telah bersidang pada 29hb Ogos, 1974 telah meluluskan Undang-undang Kecil Kedai Makanan dan Kedai Kopi, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974 (yang mana selepas ini dirujuk sebagai "Undang-undang Kecil tersebut"); Bab 133 dan Akta 124.

Dan bahawasanya mengikut seksyen 58 (4), Ordinan Perbandaran, Undang-undang Kecil tersebut telah disiarkan di dalam *Warta* Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ianya disahkan dan diluluskan melalui Pemberitahu *Warta* Kerajaan No. 324 tahun 1974 pada 24hb Oktober, 1974;

Oleh itu maka sekarang ini pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen-seksyen 58 (4) dan 379 (2), Ordinan Perbandaran, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan dan meluluskan Undang-undang Kecil tersebut seperti berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Kedai Makanan dan Kedai Kopi, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974 dan akan dikenakan kepada semua kedai-kedai makanan dan kedai kopi di dalam lengkungan kawasan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai dan akan berjalan kuatkuasanya pada tarikh ianya disiarkan di dalam *Warta*. Penyebutan.

2. Untuk maksud Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain— Tafsiran.

(*a*) "Kedai Makanan" ertinya sebarang tempat yang didirikan atau bangunan samada tetap atau sebaliknya, di mana barang-barang makanan atau minuman dijual untuk dimakan dan diminum di bangunan itu samada dimasak di situ atau tidak dan termasuk

kedai kopi dan kedai ice cream tetapi tidaklah termasuk sebarang rumah yang dilesenkan sebagai sebuah bar, sebuah hotel, kedai minuman keras atau kedai tuak;

(b) "Pegawai Kesihatan" ertinya pegawai yang pada masa itu menjalankan tugas-tugas Pegawai Kesihatan, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;

(c) "Bangunan" ertinya rumah-rumah yang dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini;

(d) "Gerai" ertinya sebarang gerai, bangku, meja, papan tingkat atau almari cermin yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan atau mungkin digunakan untuk menjual atau menyediakan atau mempamirkan sebarang benda atau makanan yang hendak dijual di dalam premises yang dilesen;

(e) "Lembaga" ertinya Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;

(f) "Pengerusi" ertinya Pengerusi, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;

Bandar.

(g) "Bandar" ertinya—

1. Bandar Butterworth sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual Kedua Pemberitahu Undang-undang P. Pg. 21 bertarikh 30hb Mac, 1961;
2. Bandar Bukit Mertajam sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual Kedua (Bahagian II) Pemberitahu Undang-undang P. Pg. 22 bertarikh 30hb Mac, 1961;

Lengkungan Perkampungan.

(h) "Lengkungan Perkampungan" ertinya—

1. Lengkungan Perkampungan Butterworth—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana terdapat dalam Jadual Kedua Pemberitahu Undang-undang P. Pg. 21 bertarikh 30hb Mac, 1961;
2. Lengkungan Perkampungan Bukit Mertajam—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana terdapat dalam Jadual Kedua (Bahagian II) Pemberitahu Undang-undang P. Pg. 22 bertarikh 30hb Mac, 1961;
3. Lengkungan Perkampungan Nibong Tebal—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana terdapat dalam Jadual Kedua (Bahagian II) Pemberitahu Undang-undang P. Pg. 47/61.

Luar Lengkungan Perkampungan.

(i) "Luar Lengkungan Perkampungan" termasuk lain-lain kawasan dalam Seberang Perai yang tidak dihuraikan di bawah Pemberitahu *Warta* Lengkungan Bandar atau Perkampungan sebagaimana yang tersebut di atas.

Pihak Berkuasa Yang Meluluskan.

3. (a) Pengerusi boleh bagi pihak Lembaga meluluskan lesen-lesen di bawah Undang-undang Kecil ini dengan syarat-syarat tertentu mengikut keadaan yang memerlukan demi menjaga kepentingan orang ramai selepas Pegawai Kesihatan mengesahkan bahawa pemohon telah menunaikan segala kehendak Undang-undang Kecil ini.

Pembatalan dan Penggantungan.

(b) Pengerusi boleh mengikut budibicaranya membatal sesebuah lesen atau menggantungkannya untuk sesuatu tempoh yang terhad perjalanan sesebuah lesen di mana pemegang lesen telah didapati salah di bawah Undang-undang Kecil ini atau kerana lain-lain sebab yang difikirkan perlu dan berpatutan.

Salinan Lesen.

(c) Lembaga bolehlah mengeluarkan salinan sah sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini dengan bayaran sebanyak dua ringgit tiap-tiap satu salinan.

Daftar Kedai Makan dan Kedai Kopi.

4. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini akan mengandungi sekeping gambar pemegang lesen itu dan sekeping salinan gambar itu hendaklah dilekatkan di dalam Daftar Kedai-kedai Makan yang mana akan disimpan oleh Pegawai Kesihatan bersama-

sama dengan nama pemegang lesen, rakan atau rakan-rakannya, pekerja atau pekerja-pekerja dan penghuni bangunannya dan lain-lain keterangan mengenai lesennya itu.

5. Lembaga mungkin mengatur tentang caranya lesen-lesen dipamirkan, keadaan dapur dan bilik-bilik awam, pemeriksaan Doktor ke atas pemegang-pemegang lesen dan pekerja-pekerja dan penghuni-penghuni bangunan yang dilesenkan itu, kebersihan bangunan itu dan semua alat-alat dan perkakas-perkakas yang bersangkutan dengannya. *Perkara-Perkara yang Lembaga akan menentukan.*

6. Adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa pun menjalankan perniagaan kedai makanan atau kedai kopi tanpa satu lesen yang dikeluarkan oleh Pengerusi, Lembaga. *Kesalahan.*

7. Pemegang-pemegang lesen tidak boleh— *Syarat-syarat Pengeluaran Lesen.*

(*a*) mengambil bekerja sesiapapun dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan sijil kesihatan daripada Pegawai Kesihatan;

(*b*) menggunakan bilik makan orang ramai sebagai tempat tidur;

(*c*) meletakkan sebarang benda-benda atau perabut atau perkakas-perkakas dapur di atas sebarang kaki-lima;

(*d*) membenarkan keadaan mabuk atau berjudi atau permainan kecekapan atau peluang untuk dimainkan di dalam bangunan itu;

(*e*) membenarkan sebarang perempuan melakukan pelacuran untuk tujuan tidak bersopan di dalam bangunan itu;

(*f*) membenarkan sesiapapun melakukan sebarang perbuatan yang tidak bersopan di dalam bangunan itu;

(*g*) membenarkan seseorang atau orang-orang membuka sesebuah gerai atau berjaja dalam bangunan tanpa lesen, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi;

(*h*) menyimpan atau menambah bahan-bahan makanan yang tidak habis dimakan oleh pelanggan-pelanggan yang terdahulu di dalam bangunan itu dan atau membenarkan penjualan makanan dan minuman yang telah basi.

Mana-mana pemegang lesen yang melanggar Undang-undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan.

8. Tiap-tiap pemegang lesen akan— *Kehendak Kesihatan.*

(*a*) melengkapkan penutup atau penutup-penutup mencegah lalat yang diluluskan untuk semua barang-barang makanan yang hendak dijual dan akan menggunakan penutup-penutup itu sepanjang masa di dalam tiap-tiap kedai makanan dan kedai kopi;

(*b*) menyediakan untuk kegunaan pelanggan-pelanggan meja beralaskan batu mamar, kaca atau lain-lain perkakas yang diluluskan oleh Pengerusi;

(*c*) membuat persediaan yang berpatutan bagi membasuh mencuci pinggan mangkok dengan air panas;

(*d*) menyediakan bekalan air yang cukup dengan memuaskan hati Pegawai Kesihatan bagi tiap-tiap kedai makanan yang berlesen itu;

(*e*) menyimenkan lantai bawah bangunan yang dilesenkan itu supaya air tidak dapat bertakung dengan mudah;

(*f*) menjaga supaya dinding-dinding dan siling-siling kedai itu bersih dan mengapur serta mengecatkan semula dinding-dinding dan siling-siling dalam masa empat belas hari selepas menerima notis untuk berbuat demikian daripada Pegawai Kesihatan;

(*g*) menyapu semua lantai-lantai bangunan itu dan menjaga supaya bersih setiap masa;

(*h*) menyediakan tandas dan bilik mandi dengan memuaskan hati Pegawai Kesihatan;

(*i*) menyediakan sebilangan simbok yang berpatutan untuk orang ramai;

(j) menyediakan sebilangan tempat peludah yang berpatutan yang mengandungi ubat penghapus kuman dengan memuaskan hati Pegawai Kesihatan dan membersihkannya serta membubuh ubat penghapus kuman pada tiap-tiap hari atau lebih kerap lagi apabila perlu;

Mana-mana pemegang lesen yang melanggar Undang-undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan.

*Tanggungan Pemegang Lesen.*

9. Sebarang perbuatan yang dilakukan oleh pemegang lesen, rakan perkongsiaannya atau pekerja-pekerjanya yang melanggar Undang-undang Kecil ini akan dianggap sebagai kesalahan yang dilakukan oleh pemegang lesen itu sendiri.

*Sijil Kesihatan adalah muktamat.*

10. Satu sijil yang dikeluarkan oleh Pegawai Kesihatan bahawa ada beberapa syarat yang melibatkan kebersihan atau kesihatan orang ramai dengan membentangkan sebab atau sebab-sebabnya dengan sendirinya mengikatkan pemegang lesen.

*Bentuk Lesen.*

11. Tiap-tiap lesen adalah dalam bentuk yang terdapat dalam Borang 1 di dalam Jadual dan akan dianggap berjalan selama setahun bermula dari 1 haribulan Januari.

*Denda.*

12. Pemegang lesen, rakan perkongsiannya, pekerjanya atau sesiapa sahaja yang menjalankan perniagaan kedai makan atau kedai kopi samada berlesen atau sebaliknya yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil ini atau mana-mana peraturan atau syarat di bawahnya akan [redacted] dan sekiranya kesalahan diteruskan denda sebanyak dua puluh lima ringgit akan dikenakan tiap-tiap hari dalam masa kesalahan itu diteruskan.

*Hak Untuk Memeriksa.*

13. Pengerusi, Pegawai Kesihatan atau sesiapa sahaja yang diberi kuasa bertulis oleh Pengerusi boleh memasuki dan memeriksa mana-mana bahagian sesebuah kedai makan atau kedai kopi pada bila-bila masa dan boleh mengambil apa-apa barang yang ia anggap menyalahi Undang-undang Kecil ini.

*Bayaran.*

14. Bayaran-bayaran seperti berikut adalah ditetapkan untuk lesen-lesen di bawah Undang-undang Kecil ini:

| | |
|---|---|
| (a) Kedai Kopi dan Kedai-kedai Makanan (Dalam Bandar) ... ... ... ... | $30.00 setahun |
| (b) Kedai Kopi dan Kedai-kedai Makanan (Dalam Lengkungan Perkampungan) ... | $20.00 setahun |
| (c) Kedai Kopi dan Kedai-kedai Makanan (Luar Lengkungan Perkampungan) ... | $15.00 setahun |
| (d) Gerai-gerai dalam kedai kopi atau kedai makanan— | |
| (i) Dalam Bandar ... ... ... | $15.00 setahun |
| (ii) Dalam Lengkungan Perkampungan | $10.00 setahun |
| (iii) Luar Lengkungan Perkampungan ... | $ 5.00 setahun |

Dimansuhkan mengikut Pg.P.U.14/81

*Pemansuhan.*

15. Undang-undang Kecil Kedai-kedai Makan dan Kedai-kedai Kopi, Majlis Bandaran, Butterworth, 1957, Undang-undang Kecil Kedai-kedai Makan, Majlis Daerah Tengah, Seberang Perai, 1967 dan Undang-undang Kecil Kedai Makan, Majlis Daerah Luar Bandar Selatan, Seberang Perai, 1957 kini masing-masing adalah dibatalkan.

Bertarikh pada 11hb Julai, 1975.
[PSUK/PP/16881/Bah. 1; LPKT: SP/10/1-65/6; PU/PP/1126 Pt. 12.]

LEE THIN PEE,
*Setiausaha,*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*
*Pulau Pinang*

JADUAL

Borang 1

LEMBAGA PENGURUS KERAJAAN TEMPATAN, SEBERANG PERAI

(Lesen dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Kedai-kedai Makanan dan Kedai-kedai Kopi, Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, 1974)

Dengan ini lesen adalah dikeluarkan kepada..................................
..........................................................................
No. Kad Pengenalan .............................. menggunakan premises No: .................................................................... sebagai sebuah Kedai Makanan/Kedai Kopi/Gerai untuk tahun yang berakhir 31hb Disember, 19........

Syarat-syarat:

..........................................................................
..........................................................................
..........................................................................
..........................................................................

Tarikh Pengeluaran: ..................................
No. Lesen: ..........................................

PENGERUSI,
*Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan,*
*Seberang Perai*

## SEBERANG PERAI KERAJAAN TEMPATAN EATING HOUSE AND COFFEE SHOP BYLAWS, 1974

WHEREAS in exercise of the powers conferred by sections 58 (1) (*r*) (iv) and (vii) and 379 of the Municipal Ordinance and section 6 (2) of the Local Government (Temporary Provisions) Act, 1973 the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai, at a Special Meeting of the Board held on 29th August, 1974, passed the Seberang Perai Kerajaan Tempatan Eating House and Coffee Shop Bylaws, 1974 (hereinafter referred to as "the said Bylaws"); Cap. 133 and Act 124.

And whereas pursuant to section 58 (4) of the Municipal Ordinance the said Bylaws were published in the Penang Government *Gazette* prior to confirmation and sanction as *Gazette* Notification No. 324 of 1974 on 24th October, 1974;

Now therefore in exercise of the powers conferred by section 58 (4) and 379 (2) of the Municipal Ordinance, the State Authority hereby confirms and sanctions the said Bylaws as follows:

1. These Bylaws may be cited as the **Seberang Perai Kerajaan Tempatan Eating House and Coffee Shop Bylaws, 1974**, and shall apply to all eating houses and coffee shops operating within the jurisdiction of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai and shall be deemed to have come into force on the date of publication in the *Gazette*. Citation.

2. For the purpose of these Bylaws unless the context otherwise requires— Interpretation.

(*a*) "Eating House" means any erection or building whether permanent or otherwise where food or drink is sold for consumption on the premises whether cooked there or not and includes coffee shops and ice cream shops but shall not include any house licensed as a bar, public house, liquor or toddy shop;

(b) "Health Officer" means officer for the time being carrying out the duties of Health Officer, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;

(c) "Premises" means premises licensed under the Bylaws;

(d) "Stall" means any stall, bench, table, shelf or showcase used or intended to be used or likely to be used for the sale or preparation or exposure for sale of any article or food within the licensed premises;

(e) "Board" means Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;

(f) "Chairman" means Chairman of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;

Town.

(g) "Town" means—

1. Butterworth Town as defined in the Second Schedule of PG. L.N. 21 dated 30th March, 1961;
2. Bukit Mertajam Town as defined in the Second Schedule (Part II) of PG. L.N. 22 dated 30th March, 1961;

Village Limits.

(h) "Village Limits" means—

1. Butterworth Village Limits—Gazetted villages as contained in the Second Schedule of PG. L.N. 21 dated 30th March, 1961;
2. Bukit Mertajam Village Limits—Gazetted villages as contained in the Second Schedule (Part II) of PG. L.N. 22 dated 30th March, 1961;
3. Nibong Tebal Village Limits—Gazetted villages as contained in the Second Schedule (Part II) of PG. L.N. 47/61;

Outside Village Limits

(i) "Outside Village Limits" includes all other areas in Province Wellesley not specified under Town or Village Limits *Gazette* Notifications as stated above.

Approving Authority

3. (a) The Chairman may on behalf of the Board approve licences under these Bylaws with such conditions as circumstances may require in the interest of the public after the Health Officer has certified that the applicant has complied with all the requirements of these Bylaws.

Cancellation or Suspension.

(b) The Chairman may at his discretion cancel a licence or suspend for a limited period the operation of a licence where the licensee has been convicted of an offence under these Bylaws or the Municipal Ordinance or for any other reason that may be deemed just and expedient.

Copies of Licence.

(c) The Board may issue certified copies of any licence issued under these Bylaws at a fee of two dollars per copy.

Register of Eating House and Coffee Shop

4. Every licence issued under these Bylaws shall bear a photograph of the licensee and the duplicate shall be inserted in the Register of the Eating House and Coffee Shop which shall be kept by the Health Officer together with the name of the licensee, his partners, employer or employees and other relevant particulars of the licence.

Matters which Board may take

5. The Board may regulate the display of licence, the conditions of the kitchen and public rooms, medical examination of the licensee and employees, the sanitation of such premises and all equipment and materials connected therewith.

Offence.

6. It shall be an offence for any person or persons to operate an eating house or coffee shop without a licence issued by the Chairman of the Board.

Conditions of [illegible] licence.

7. No licensee shall—

(a) Employ any person without first obtaining a certificate of fitness from the Health Officer;

(*b*) Use the public eating rooms as sleeping places;

(*c*) Place any article or furniture or any cooking utensils on the five-foot way;

(*d*) Permit drunkedness, gambling or games of skill or of chance to be played in the premises;

(*e*) Permit any women to solicit for immoral purpose on the premises;

(*f*) Permit any person to behave in a disorderly manner in the premises;

(*g*) Allow without written permission from the Chairman any person or persons to operate an unlicensed stall or to hawk within the premises without a licence;

(*h*) Retain or add to the stock of foodstuffs on the premises any portion of such food remaining partly consumed by a previous customer.

Any licensee who offends against this Bylaw shall be guilty of an offence.

8. Every licensee shall— Health requirements.

(*a*) Furnish an approved fly-proof cover or covers for all articles of food intended for sale and shall keep the same constantly in use in every eating house and coffee shop;

(*b*) Provide for the use of customers tables with tops of marble, glass or other materials approved by the Health Officer;

(*c*) Provide reasonable arrangements for the washing and cleaning of crockery and utensils with hot water;

(*d*) Provide an adequate water supply to the satisfaction of the Health Officer for every eating house or coffee shop so licensed;

(*e*) Render smooth with cement and to grade the ground floor of the premises so licensed so that water cannot stand thereon;

(*f*) Keep clean all walls ceilings and lime-wash or repaint walls and ceilings within fourteen days after the receipt of a notice so to do from the Health Officer;

(*g*) Sweep all floors of the premises and to get them cleaned at all times;

(*h*) Provide toilet facilities to the satisfaction of the Health Officer;

(*i*) Provide a reasonable number of wash basins with adequate cleaning facilities for the public;

(*j*) Provide a reasonable number of spittoons containing disinfectant to the satisfaction of the Health Officer and shall clean and recharge these spittoons with disinfectant daily or more often when necessary.

Any licensee who offends against this Bylaw shall be guilty of an offence.

9. Any act of a licensee, his partner or employee against these Bylaws shall be construed as an offence committed by the licensee himself. Licensee's Liability.

10. A certificate under the hand of the Health Officer that certain conditions exist which affect the sanitation or health of the public setting forth his reason or reasons therefore shall be conclusive against the licensee. Health Officer's Certificate Conclusive.

11. Every licence shall be in Form I set out in the Schedule and shall be deemed to be operative for one year commencing from the 1st day of January. Prescribed form for licence.

12. A licensee, his partner, employee or any person operating any eating house or coffee shop premises whether licensed or otherwise who shall offend against any of these Bylaws or any rules or conditions Penalty